




BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 16 - 18 FEBRUARI 2021

BIL. 6 /2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 18 Februari 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 235,082** atau 85.5 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **38,763 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **2,712 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **274,875 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.85 peratus** daripada catatan harian dengan sebanyak **1,588 kes atau 58.6 peratus** dikesan melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import hanya berjumlah 4 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi jumlah kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 45.6 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (22.3 peratus), Zon Selatan (18.8 peratus), Zon Utara (9.3 peratus) dan Zon Pantai Timur (3.9 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor dan Johor** dengan masing-masing **merekodkan 1,013 dan 426 kes** disusuli W.P Kuala Lumpur (212 kes), Sarawak (200 kes), Perak (198 kes), Kedah (182 kes) dan Pulau Pinang (116 kes). Bilangan kematian telah mencecah kepada empat angka bermula 17 Februari 2020 (bilangan keseluruhan 1,005 kematian). Sejumlah **1,030 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **25 kematian terbaru, yang merupakan jumlah kematian tertinggi setakat ini**.

Prestasi ekonomi Malaysia terus berdepan cabaran berikutan ketidakpastian yang berterusan di dalam negara. Perlanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terutamanya di Selangor, W.P Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang dijangka akan memberi implikasi yang signifikan kepada trajektori pemulihan ekonomi negara. Berdasarkan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar Malaysia, negeri-negeri tersebut menyumbang sekitar 57 peratus kepada ekonomi (tahun 2019). Sementara itu, sekatan pergerakan merentasi daerah dan negeri akan terus mempengaruhi kesuraman industri pelancongan apabila 4 negeri tersebut mendominasi sejumlah 66.1 peratus daripada aktiviti berdasarkan pelancongan nasional.

Krisis kesihatan global ini turut mengancam kestabilan ekonomi luar negara. Keadaan ekonomi dunia dapat diperhatikan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut;

EU: Lebihan perdagangan zon Eropah meningkat ke paras tertinggi pada bulan Disember 2020 dipacu oleh eksport yang lebih tinggi. Data dari

EUROSTAT menunjukkan lebihan perdagangan meningkat kepada EUR27.5 bilion berbanding EUR24.9 bilion pada bulan November 2020. Ini adalah surplus perdagangan terbesar yang dicatatkan sepanjang tempoh data berkenaan disusun. Eksport meningkat 1.1% sementara import susut 0.3% bulan ke bulan. Pada asas perbandingan tahun ke tahun, Eksport meningkat untuk pertama kalinya sejak Februari 2020. Eksport naik 2.3%, sementara import turun 1.3%. **Sementara itu, Indeks Harga Pengguna (IHP) Greece terus turun pada Januari 2021.** Laporan dari Hellenic Statistical Authority menunjukkan indeks harga pengguna turun 2.0% pada bulan Januari 2021 berbanding tahun sebelumnya, menyusuli penurunan 2.3% pada bulan Disember 2020. IHP pengangkutan merosot 5.7% pada asas tahunan, IHP perumahan turun 3.4% dan IHP pakaian dan kasut turun 3.5% pada bulan rujukan. Harga peralatan isirumah dan pelbagai barang dan perkhidmatan pula meningkat sebanyak 2.2% dan 2.4%. Pada asas perbandingan bulan ke bulan, IHP turun 1.3% pada bulan Januari, setelah pertumbuhan 0.4% pada bulan sebelumnya. (RTT)

ASIA: Ekonomi Jepun berkembang lebih pantas dari yang dijangkakan pada ST4 2020. Peningkatan ini disokong oleh Eksport dan Perbelanjaan Modal yang meningkat walaupun negara tersebut bergelut dalam pemulihan pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ini adalah lebih rendah berbanding suku tahun sebelumnya. Ekonomi ketiga terbesar di dunia itu meningkat 12.7% tahun ke tahun pada bulan Oktober - Disember, melepas angka ramalan pasaran median sebanyak 9.5%. **Di India, negara tersebut mencatatkan defisit perdagangan barang yang semakin menyusut pada nilai USD14.54 bilion bagi Januari 2021.** Catatan defisit yang semakin mengecil ini didorong oleh eksport yang meningkat lebih cepat berbanding import. Eksport barang dagangan meningkat 6.16% pada Januari dari tahun sebelumnya kepada USD27.45 bilion, sementara import naik 2.03% menjadi USD42 bilion. **Selain itu, Indeks Harga Borong India meningkat pada bulan Januari 2021.** Ministry of Commerce & Industry India melaporkan, indeks harga borong meningkat 2.03% tahun ke tahun pada bulan Januari 2021, setelah kenaikan 1.22% pada bulan sebelumnya. Indeks harga makanan turun ke 0.26% pada bulan Januari, setelah kenaikan 0.92% pada bulan sebelumnya. Harga bahan bakar dan tenaga susut 4.78% pada bulan Januari, menyusuli penurunan 8.72% pada bulan sebelumnya. Harga produk pembuatan pula meningkat 5.13% pada bulan Januari, melebihi kenaikan 4.24% pada bulan sebelumnya. **Sementara itu, laporan oleh Bank of Korea (BoK) menunjukkan indeks harga eksport turun 2.3% pada tahun pada Januari 2021 setelah merosot 5.4% pada bulan Disember 2020.** Harga produk pertanian dan perhutanan turun -5.7% tahun ke tahun dan produk pembuatan merosot 2.2%. Harga import merosot 6.7% berbanding penurunan 10.2% pada bulan sebelumnya (tahun ke tahun). Harga untuk bahan mentah jatuh 14.9%, sementara barang perantaraan, modal dan pengguna turut mencatatkan penurunan. Secara bulanan, harga eksport naik 1.8% setelah meningkat 0.6% pada bulan Disember 2020. **Di Indonesia, laporan Badan Pusat Statistik menunjukkan negara tersebut mencatatkan surplus perdagangan pada bulan Januari 2021.** Prestasi imbang perdagangan yang lebih baik ini disumbangkan oleh peningkatan eksport dan penurunan import pada tempoh rujukan. Imbang perdagangan mencatatkan lebihan USD1.958 bilion

pada bulan Januari berbanding defisit USD636.7 juta pada Januari 2020. Eksport meningkat 12.24% manakala Import turun 6.49% tahun ke tahun pada Januari 2021. **National Economic and Social Development Council Thailand melaporkan bahawa KDNK negara berkenaan menguncup pada ST4 2020.** KDNK menyusut 4.2% tahun ke tahun pada ST4 2020, lebih perlahan daripada penurunan 6.4% pada suku sebelumnya. Pada perbandingan suku tahun ke suku tahun, KDNK tumbuh 1.3% tetapi lebih lemah daripada pertumbuhan 6.2% yang dicatatkan pada ST3 2020. Bagi sepanjang tahun 2020, ekonomi Thailand menguncup 6.1%, berbanding pertumbuhan 2.3% pada tahun 2019. (REUTERS RTT)

EU: KDNK Zon Eropah menguncup sedikit lebih perlahan daripada yang dianggarkan pada ST4 2020. EUROSTATS melaporkan, KDNK benua berkenaan disemak semula kepada susut 0.6% berbanding -0.7% yang dianggarkan sebelumnya. Kejatuhan ini dicatatkan setelah benua berkenaan mencatatkan peningkatan 12.4% pada suku ketiga 2020. Pada asas perbandingan tahun ke tahun, KDNK turun 5% pada ST4 2020 daripada penurunan 4.3% pada ST3 2020. Bagi keseluruhan tahun 2020, KDNK zon Eropah turun 6.8%. **Selain itu, tinjauan ZEW Economic Institute mendapati sentimen ekonomi pelabur di Jerman mula memulih dan menunjukkan kenaikan kepada 71.2 mata daripada 61.8 bulan sebelumnya.** Peningkatan sentimen ini didorong oleh penggunaan dan perdagangan runcit dijangka pulih dengan ketara serta jangkaan inflasi yang lebih tinggi. **Sementara itu, kadar pengangguran di Perancis jatuh ke tahap pra-pandemik pada ST4 2020 apabila sekatan pergerakan COVID-19 selama enam minggu telah menyebabkan pencari kerja tidak dapat mendaftar sebagai penganggur.** INSEE melaporkan, pengangguran di ekonomi kedua terbesar zon Eropah itu turun 1.1 mata kepada 8% berbanding 9.1% yang yang dicatatkan pada ST3 2020. Laporan tersebut turut menunjukkan bilangan pekerja dalam kontrak jangka panjang meningkat lebih tinggi kepada 49.8% daripada 49.2% pada suku sebelumnya apabila beberapa aktiviti pengambilan pekerja disambung semula. **Selain itu, laporan oleh ISTAT menunjukkan lebihan perdagangan Itali meningkat pada bulan Disember 2020.** Peningkatan ini disumbangkan oleh pertumbuhan eksport dan penurunan import. Lebihan perdagangan meningkat kepada EUR6.844 bilion pada bulan Disember daripada EUR5.064 bilion pada tempoh yang sama tahun lalu. Pada bulan November, lebihan perdagangan adalah pada EUR6.751 bilion. Eksport meningkat 3.3% tahun ke tahun pada bulan Disember, setelah kenaikan 1.1% pada bulan November. Manakala import turun 1.7% pada bulan Disember, susulan penurunan 3.2% pada bulan sebelumnya. Pada asas perbandingan bulan ke bulan, eksport menurun 3.8% dan import turun 1.1% pada bulan Disember 2020. (RTT, Reuters)

ASIA: Ministry of Economy, Trade and Industry Jepun melaporkan bahawa sektor Tertiari negara berkenaan jatuh untuk bulan kedua berturut-turut pada Disember 2020. Indeks aktiviti Tertiari merosot 0.4% bulan ke bulan pada bulan Disember 2020 setelah susut 0.6% pada bulan November 2020. Pada asas perbandingan tahun ke tahun, indeks berkenaan merosot 3.6% pada bulan Disember 2020 berbanding penurunan 3.7% pada bulan sebelumnya. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. Pertumbuhan ekonomi negara dijangka terus merosot bagi suku pertama 2021 ekoran pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 2.0). Sepanjang tahun 2020, KDNK menyusut -5.6 peratus. Sementara itu, permulaan program vaksinasi negara dijangka dapat membantu meningkatkan sentimen apabila aktiviti pengguna Malaysia diunjur pulih semula pada separuh kedua 2021.
2. Fitch Solutions telah **menyemak semula pertumbuhan ekonomi Malaysia** pada tahun 2021 **kepada 4.9% berbanding 10%** sebelum ini. Program Imunisasi COVID19 Kebangsaan yang akan bermula pada bulan Mac dijangka dapat mengembalikan semula sentimen pengguna dan membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi.
3. Kerajaan sedang menyusun semula pelan tindakan dalam melaksanakan **Dasar Automotif Nasional (NAP 2020)**, bertujuan menjadikan sektor automotif negara lebih berdaya saing dan maju.
4. **Pelaksanaan PKP** di Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang **dilanjutkan bermula 19 Februari hingga 4 Mac**. Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Terengganu, Kelantan, Wilayah Persekutuan Labuan, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Sabah **ditukarkan status kepada PKPB**.
5. Sektor **perbankan, minyak dan gas (O&G) serta sektor penerbangan** di Bursa Malaysia dijangka memperoleh manfaat daripada sudut pandangan pelabur susulan daripada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (NIP) yang dilancarkan oleh kerajaan pada 17 Februari 2021.
6. **Jualan kenderaan penumpang jatuh** kepada 28,872 unit pada Januari 2021 daripada 39,410 pada tempoh yang sama tahun lepas. Manakala **jualan kenderaan perdagangan meningkat** kepada 3,957 unit pada bulan tersebut berbanding 3,532 unit sebelumnya. Jumlah jualan yang lebih rendah pada Januari 2021 disebabkan penurunan jumlah pelanggan ke bilik pameran susulan pelaksanaan PKP oleh kerajaan.
7. Kolej swasta menyaksikan **pendaftaran pelajar antarabangsa menurun 50 peratus** dari kebiasaan pada tahun ini. Universiti di Malaysia telah dibenarkan mendaftarkan pelajar asing berkuatkuasa 1 Januari 2021, kecuali dari UK, tetapi kelulusan visa yang perlahan dan keimbangan pelajar terhadap COVID-19 telah mengakibatkan penurunan jumlah pendaftaran. **Universiti swasta mungkin menyaksikan penurunan jumlah pelajar antarabangsa sebanyak 25 peratus** pada tahun ini.

8. Pengarah Urusan pengeluar sarung tangan terbesar dunia (Top Glove) percaya bahawa **permintaan sarung tangan getah kekal positif** dan tidak akan kembali ke tahap sebelum COVID-19 berikutan peningkatan kesedaran yang tercetus akibat pandemik.
9. **Mercedes-Benz Malaysia terus memperluas pengeluarannya** dengan mempercayai potensi pertumbuhan pasaran di Malaysia.
10. Proton Holdings Bhd (PROTON) tampil **empat model versi istimewa ke pasaran tempatan**, merangkumi Proton Saga R3, Iriz R3, Persona Edisi Hitam dan Exora Edisi Hitam.
11. Empat **saluran pembayaran tanpa tunai popular adalah JomPAY, FPX, MyDebit dan DirectDebit**. Kaedah pembayaran tanpa tunai dilihat semakin popular sejak PKP dikuatkuasakan dalam Negara.
12. **Penamatan operasi kilang pengeluaran tayar, Silverstone Malaysia Bhd (SSM) pada Jun ini** dijangka memberi kesan kepada kira-kira 700 pekerja. Difahamkan kesemua pekerja anak syarikat milik penuh Toyo Tire Corporation (TTC) itu terdiri daripada warga tempatan. Langkah itu diambil selepas mengambil kira persekitaran operasi, kedudukan kilang dalam strategi globalnya serta keupayaan pengeluaran.
13. Perodua melancarkan **pelan tindakan lestari pertama, Perodua Smart Build yang merupakan Transformasi 3.0** untuk mewujudkan ekosistem automotif yang mampan dan kukuh.
14. **Pembelian secara dalam talian meningkat** amat ketara dan memberi tekanan kepada perkhidmatan pos untuk memastikan perniagaan mereka terus dapat bertahan. Sudah tiba masa untuk **kerajaan, industri dan pihak berkepentingan** menetapkan **harga lantai bagi sektor penghantaran** dalam usaha melindungi kesejahteraan dan kebijakan warga rakan kongsi penghantaran.
15. Kewujudan **Didik TV** dapat membantu **menyelesaikan isu gajet dan liputan rangkaian internet** yang dihadapi ketika pelaksanaan PdPR, memandangkan kebanyakan keluarga mempunyai siaran televisyen.
16. **Penjualan nanas dengan harga rendah** adalah antara langkah yang diambil **FAMA Melaka dan Johor** untuk **membantu pekebun-pekebun yang terjejas** mendapat pulangan setimpal. Sebanyak 6,000 biji nanas jenis Moris telah terjual dalam masa dua jam pada Program Promosi Nanas Moris Johor yang diadakan di Pasar Tani di Jalan Rim.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star 16 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Looking at the bottom line</p> <p>The FBM KLCI is expected to trade range-bound this week after notching over 40 points since the start of February. Following several quarters of under-performance, there are expectations for corporate earnings to gradually recover in Q4.</p> <p>The expectations of an effective implementation of the National Covid-19 Immunisation Programme beginning early March will help restore consumer sentiment and boost Malaysia's economic growth.</p> <p>The outlook for 2021 remains challenging with increasing downside risks to growth coming from the domestic side due to the reimplementations MCO.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/02/16/looking-at-the-bottom-line
2.	The Edge Market 16 Feb. 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Genting Malaysia's hilltop casino resumes operation today</p> <p>Resorts World Genting (RWG) and Resorts World Awana resumed business after the group temporarily suspended operations at the resorts following the implementation of the MCO.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/genting-malaysias-hilltop-casino-resumes-operation-today
3.	Bernama 17 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	Program Imunisasi Kebangsaan akan dapat kembalikan keyakinan pelabur – MEF	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1932214

		<p>Pelaksanaan Imunisasi Kebangsaan akan dapat mengembalikan keyakinan pelabur untuk mengekalkan pelaburan berimpak tinggi mereka di Malaysia seterusnya menjana hasil positif untuk ekonomi negara.</p> <p>Sejak Mac tahun lepas, keadaan perniagaan amat terjejas dan dengan lebih 32,000 perniagaan ditutup serta lebih 100,000 pekerja hilang punca pendapatan.</p>	
4.	Berita Harian 17 Feb. 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Empat saluran pembayaran tanpa tunai popular di Malaysia</p> <p>Empat saluran pembayaran tanpa tunai popular adalah JomPAY, FPX, MyDebit dan DirectDebit.</p> <p>Kaedah pembayaran tanpa tunai dilihat semakin popular sejak PKP dikuatkuasakan dalam negara.</p> <p>Kaedah pembayaran tanpa tunai diyakini lebih efisien memandangkan pengguna boleh membuat pembayaran pada bila-bila masa dan di mana sahaja mereka berada selain faktor keselemanat yang menjadi pilihan utama pengguna.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/786964/empat-saluran-pembayaran-tanpa-tunai-popular-di-malaysia

5.	Metro 18 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	PKP di Selangor, KL, Johor, Pulau Pinang hingga 4 Mac Lanjutan PKP sehingga 4 Mac telah dipersetujui oleh kerajaan bagi negeri Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang. Manakala bagi Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Terengganu, Kelantan, Wilayah Persekutuan Labuan, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Sabah ditukarkan status kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Secara umumnya, kes di kebanyakan negeri menunjukkan trend penurunan iaitu selepas dua minggu pelaksanaan PKP 2.0, trend kes import dan rentas negeri turut menurun bermula 3 Februari lalu.	https://www.hmetro.com.my/utama/2021/02/675095/pkp-di-selangor-kl-johor-pulau-pinang-hingga-4-mac-metrotv
6.	The Edge Market 18 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	Govt approved RM1.245b under PENJANA SME financing scheme, says Tengku Zafrul Government had approved a total of 6,613 applications involving RM1.245 billion from RM2.0 billion allocation under the PENJANA SME financing scheme. PENJANA Tourism Sector Financing for SMEs and micro SMEs with an allocation of RM1 billion, 282 applications from 579 applications had been approved with a total financing of RM57.1 million.	https://www.theedgemarkets.com/article/govt-approved-rm1245b-under-penjana-sme-financing-scheme-says-tengku-zafrul

	<p>PENJANA Micro Credit Financing under Bank Simpanan Nasional, a total of RM363.4 million had been channelled to benefit 10,774 micro SMEs.</p> <p>Bumiputera Relief Financing (BRF) amounting to RM200 million by PUNB, a special fund assistance for bumiputera SMEs affected by Covid-19, with financing of between RM100,000 and RM1 million. This fund has been channelled to 548 SMEs, involving a total of RM153 million.</p> <p>For food security, in support of the agriculture and food industry, as well as for farmers and fishermen, RM350 million from RM 400 million was allocated under the Agrobank Microcredit Financing Scheme. Government agreed to extend sales tax relief for the passenger vehicle incentive until June 30, 2021 as a measure to further boost the automotive sector and the country's economic activities. The sales tax incentive includes 100% exemption for locally assembled cars and a 50% reduction for fully imported models.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Artikel 1 – Fitch Solutions telah menyemak semula pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2021 kepada 4.9% berbanding 10% sebelum ini. Program Imunisasi COVID19 Kebangsaan yang akan bermula pada bulan Mac dijangka dapat mengembalikan semula sentimen pengguna dan membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

2. Artikel 4 – Sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menggunakan transaksi pembayaran tanpa sentuhan, jumlah pengguna saluran pembayaran tanpa tunai telah meningkat sehingga 15 juta.
3. Artikel 5 - Pelaksanaan PKP di Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang dilanjutkan bermula 19 Februari hingga 4 Mac. Manakala bagi Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Terengganu, Kelantan, Wilayah Persekutuan Labuan, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Sabah ditukarkan status kepada PKPB.
4. Artikel 6 - Artikel adalah berkaitan status terkini bantuan yang telah disalurkan kepada industri perusahaan kecil dan sederhana. Selain itu, ia turut menyatakan langkah kerajaan berkaitan pelepasan cukai jualan yang dilanjutkan sehingga Jun 2021.

Maklumbalas Bahagian:

1. Ekonomi Malaysia diunjurkan bertumbuh positif pada tahun 2021. Ini adalah berdasarkan kepada keberkesanan pakej rangsangan ekonomi yang telah diberikan kepada sektor industri dan juga isi rumah. Selain itu, perkembangan penerimaan vaksin pada suku tahun pertama 2021 dijangka akan merancakkan kembali pertumbuhan ekonomi negara.
2. Kerajaan telah memperuntukkan RM750 juta menerusi program e-PENJANA bagi melaksanakan pelbagai inisiatif seperti pemberian e-dompet, baucar, pulangan tunai dan diskaun bagi merancakkan perbelanjaan digital. Inisiatif Kerajaan ini dijangka dapat menggalakkan lagi penggunaan aplikasi digital. Pada tahun 2019, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) menyumbang sebanyak 19.1% kepada ekonomi negara.
3. Penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan PKP telah memberi kesan kepada kesihatan ekonomi di peringkat global mahupun Malaysia. Lanjutan PKP sehingga 4 Mac 2021 bagi Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang turut akan memberi kesan kepada ekonomi Malaysia. Pada tahun 2019, jumlah sumbangan keseluruhan bagi keempat-empat negeri tersebut kepada KDNK Malaysia adalah sebanyak 56.7%.
4. Langkah kerajaan melanjutkan pelepasan cukai jualan sehingga Jun 2021 akan membantu merancakkan lagi pertumbuhan industri automotif negara. Selain itu, ia memberikan manfaat kepada isi rumah untuk memiliki kenderaan dengan harga yang lebih murah.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Berita Harian 17 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Jualan kenderaan merosot bulan lalu</p> <p>Jumlah jualan pada bulan ini dijangka lebih rendah berbanding Januari 2021 disebabkan tempoh hari kerja yang lebih pendek.</p> <p>Jumlah jualan keseluruhan industri (TIV) bagi sektor automotif untuk bulan Januari 2021 menguncup 24 peratus kepada 32,829 unit daripada 42,942 unit setahun yang lalu. Penguncupan jualan itu adalah disebabkan penurunan jumlah trafik pengunjung ke bilik pameran ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p> <p>Kesan penutupan beberapa pembekal alat ganti disebabkan COVID-19 mengakibatkan kekurangan bekalan komponen dan alat ganti untuk sebahagian syarikat.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/02/787213/jualan-kenderaan-merosot-bulan-lalu
2.	Harian Metro 17 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	<p>MBM rancang perkenal Mercedes-Benz EQ</p> <p>Mercedes-Benz Malaysia (MBM) merancang membawa masuk jenama di bawah segmen kenderaan elektrik (EV) sepenuhnya, Mercedes-Benz EQ ke pasaran Malaysia.</p> <p>Bagaimanapun ia bergantung kepada semakan semula Dasar Automotif Nasional (NAP)</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/02/675601/mbm-rancang-perkenal-mercedes-benz-eq

		membabitkan insentif dan peraturan.	
3.	Harian Metro 18 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Pelan tindakan lestari Perodua</p> <p>Perodua melancarkan pelan tindakan lestari pertama, Perodua Smart Build, merangkumi hampir seluruh ekosistem pembekal dan pengedar automotif di Malaysia untuk mendorong syarikat itu dan industri ke arah globalisasi yang tinggi pada masa akan datang.</p> <p>Di bawah Transformasi 3.0, Perodua akan bekerjasama dengan rakan niaga untuk mengurangkan jurang kualiti, kos dan penghantaran dalam ekosistem automotif dan memastikan industri berada pada 'saiz yang betul.'</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/02/675603/pelan-tindakan-lestari-perodua
4.	Berita Harian 18 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	<p>PROTON tampil empat model versi istimewa</p> <p>Proton Holdings Bhd (PROTON) memperkenalkan empat barisan edisi hitam istimewa baharu ke pasaran tempatan, merangkumi Proton Saga R3, Iriz R3, Persona Edisi Hitam dan Exora Edisi Hitam.</p> <p>Bagi Proton Saga R3 edisi terhad ditawarkan pada harga atas jalan tanpa insurans RM42,300, manakala Iriz R3 pula RM52,900.</p> <p>Versi terhad Proton Persona dan Exora Edisi Hitam pula masing-masing ditawarkan pada harga RM54,700 dan RM67,800.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/02/787491/proton-tampil-empat-model-versi-istimewa

5.	<p>Berita Harian 18 Feb. 2021 (Essential)</p>	<p>Kedai buku, car boot sale boleh beroperasi sepanjang PKP</p> <p>Operasi kedai buku dan 'car boot sale' adalah dibenarkan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Dua bentuk perniagaan itu adalah di bawah sektor peruncitan dan ia boleh dibuka di negeri yang menguatkuasakan PKP, PKP Bersyarat (PKPB) dan PKP Pemulihan (PKPP).</p> <p>Bagi kawasan PKP, aktiviti yang masih tidak dibenarkan beroperasi antaranya spa, refleksologi, berurut dan perkhidmatan merias kuku.</p>	<p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/787640/kedai-buku-car-boot-sale-boleh-beroperasi-sepanjang-pkp</p>
6.	<p>Berita Harian 18 Feb. 2021 (Essential)</p>	<p>Shopee tingkat usaha pendekkan masa penghantaran</p> <p>Shopee memperluaskan rangkaian gudang, hab dan pusat pengasingan di lebih 50 lokasi strategik di seluruh negara. Melalui rangkaian logistiknya yang diperluas, Shopee akan memperkenalkan penghantaran hari berikutnya di Semenanjung Malaysia (kecuali di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu) melalui Shopee Xpress, bersempena kempen 3.3 Jualan Pasar Raya.</p> <p>Penghantaran sebelum ini mengambil masa sehingga 10 hari, malah lebih lama di Malaysia Timur, kini dikurangkan kepada antara satu dan empat hari.</p>	<p>https://www.bharian.com.my/bisnes/teknologi/2021/02/787649/shopee-tingkat-usaha-pendekkan-masa-penghantaran</p>

	B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan		
7.	Bernama 16 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	214 pengusaha bas sekolah di Kelantan gulung tikar, jual bas dan van Seramai 214 pengusaha bas dan van sekolah di Kelantan gulung tikar akibat hilang punca pendapatan sejak Mac tahun lepas susulan penutupan sekolah akibat penularan COVID-19.	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1931945
	C. Subsektor Kesihatan Swasta		
8.	Berita Harian 16 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	Vaksin: Hospital swasta tunggu 'lampa hijau' kerajaan Hospital swasta mempunyai keupayaan untuk menawarkan khidmat suntikan pelalian COVID-19 kepada masyarakat. Kira-kira 126,000 rakyat negara ini dijangka disuntik vaksin COVID-19 sehari, menerusi pelan imunisasi kebangsaan COVID-19, bermula 26 Februari 2021.	https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/02/786612/vaksin-hospital-swasta-tunggu-lampa-hijau-kerajaan
9.	Malay Mail 16 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	Only 500 Covid-19 tests daily in Sibu? That's a 'big fat lie', says Dr Annuar A total of 51,640 swab tests, which is an average of 1,435 tests per day, have been carried out in Sibu. The government had spent RM8.48 million to outsource lab tests in private laboratories in Sarawak and Kuala Lumpur for 42,424 swab samples to get results faster.	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/02/16/only-500-covid-19-tests-daily-in-sibu-thats-a-big-fat-lie-says-dr-annuar/1950345

10.	Berita Harian 16 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	Saringan sejarah kesihatan dilakukan sebelum seseorang layak terima vaksin Hospital swasta sudah memberi kerjasama secara sukarela untuk menyediakan kemudahan kesihatan, sumber manusia serta kakitangan dalam usaha memerangi COVID-19 sepanjang pelaksanaan Proklamasi Darurat.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/786639/saringan-sejarah-kesihatan-dilakukan-sebelum-seseorang-layak-terima
11.	Berita Harian 17 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	JCorp pertimbang bawa masuk pelabur, gabungkan KPJ Johor Corporation Bhd (JCorp) sedang mempertimbangkan beberapa pilihan strategik termasuk membawa masuk pelabur yang berpengalaman dalam sektor kesihatan atau bergabung dengan pengendali hospital lain membabitkan penyedia penjagaan kesihatan, KPJ Healthcare Bhd.	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/02/787015/jcorp-pertimbang-bawa-masuk-pelabur-gabungkan-kpj
12.	The Malaysian Reserve 18 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	Covid-19 patients to ‘foot the bill’ at private hospitals COVID-19 patients in private hospitals will have to pay their own bills as insurance companies do not reimburse payment for the treatment. Meanwhile, medical associations have suggested for the government to understand the entire ecosystem and supply chain of private healthcare before deciding to introduce price control mechanisms for medicines.	https://themalaysianreserve.com/2021/02/18/covid-19-patients-to-foot-the-bill-at-private-hospitals/

	D. Subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi		
13.	Free Malaysia Today 16 Feb. 2021 (Essential)	<p>Genting opens its doors again, with strict SOPs</p> <p>Resorts World Genting (RWG) in Genting Highlands reopened its doors with strict standard operating procedures (SOPs) in place.</p> <p>The gaming sector, which includes four-digit number operators – Magnum, Sports Toto and Damacai – were also allowed to reopen their shops.</p>	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/02/16/genting-opens-its-doors-again-with-strict-sops/

Penemuan penting & isu:

1. Jualan kenderaan merosot bagi Januari 2021 disebabkan penurunan jumlah trafik pengunjung ke bilik pameran pada bulan itu akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta ramai pelanggan telah membuat pembelian terlebih dulu pada Disember 2020.
2. Kerajaan sedang menyusun semula pelan tindakan dalam melaksanakan Dasar Automotif Nasional (NAP 2020), bertujuan menjadikan sektor automotif negara lebih berdaya saing dan maju.
3. Perodua melancarkan pelan tindakan lestari pertama, Perodua Smart Build yang merupakan Transformasi 3.0 untuk mewujudkan ekosistem automotif yang mampan dan kukuh.
4. Proton Holdings Bhd (PROTON) tampil empat model versi istimewa ke pasaran tempatan, merangkumi Proton Saga R3, Iriz R3, Persona Edisi Hitam dan Exora Edisi Hitam.
5. Dua bentuk perniagaan iaitu kedai buku dan 'car boot sale' di bawah sektor peruncitan dibenarkan beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.
6. Shopee meningkatkan usaha untuk memendekkan masa penghantaran untuk penjual dan pembeli di Malaysia bagi memenuhi kebergantungan yang semakin meningkat kepada e-dagang dan keperluan untuk penghantaran yang lebih cepat.
7. Sebanyak 214 pengusaha bas di Kelantan telah tutup kerana hilang pendapatan akibat penutupan sekolah sejak Mac 2020 akibat COVID-19.

8. Kira-kira 126,000 rakyat Malaysia dijangka disuntik vaksin COVID-19 sehari, menerusi pelan imunisasi kebangsaan COVID-19 bermula 26 Februari 2021 dan hospital swasta mempunyai keupayaan untuk menawarkan khidmat suntikan tersebut.
9. Kerajaan Sarawak telah membelanjakan RM8.48 juta untuk menghantar sejumlah 42,424 sampel calitan COVID-19 ke makmal swasta di negeri tersebut dan Kuala Lumpur untuk memperoleh keputusan lebih cepat.
10. Aktiviti berkaitan perjudian dan pertaruhan mula beroperasi pada 16 Februari 2021 mengikut SOP yang ketat dan bergantung kepada waktu operasi dan kapasiti yang ditentukan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penutupan operasi syarikat/pengusaha bas sekolah dijangka memberi kesan terhadap aktiviti Perkhidmatan bas sekolah (MSIC 49223) khususnya di negeri Kelantan.
2. Peningkatan pelaksanaan ujian COVID-19 dijangka akan meningkatkan pendapatan hospital swasta, klinik swasta dan makmal perubatan swasta yang terlibat. Kebenaran untuk menjalani rawatan COVID-19 di penyedia perkhidmatan kesihatan swasta juga akan memberi kesan yang positif terhadap prestasi subsektor ini.
3. Aktiviti berkaitan perjudian dan pertaruhan merupakan industri utama dengan sumbangan yang besar di bawah subsektor Kesenian, Hiburan dan Rekreasi. Pembukaan aktiviti ini pada 16 Februari 2021 dijangka akan memberi impak positif kepada prestasi sektor Perkhidmatan pada suku pertama 2021.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 16 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	Sektor eksport menyumbang utama pemulihan ekonomi tahun ini - Fitch Solutions Eksport bersih dijangka akan menjadi penyumbang utama kepada keseluruhan pertumbuhan Malaysia tahun ini dengan jangkaan sumbangan 1.7 mata peratusan kepada	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/02/786782/sektor-eksport-penyumbang-utama-pemulihan-ekonomi-tahun-ini-fitch

		<p>pertumbuhan di tengah-tengah prospek samar aktiviti ekonomi.</p> <p>Dengan kerajaan membenarkan lebih banyak industri beroperasi meskipun sekatan dan kawalan pergerakan, serta pemulihan berterusan dalam rakan dagang utama seperti China dan Singapura, eksport barang akan sekurang-kurangnya mencatatkan sedikit peningkatan pertumbuhan pada 2021, terutama selepas menguncup sebanyak 1.3 peratus pada 2019 dan 8.7 peratus pada 2020.</p>	
2.	Astro Awani 17 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Operasi kilang tayar Silverstone di Taiping dihentikan Jun ini</p> <p>Penamatan operasi kilang pengeluaran tayar, Silverstone Malaysia Bhd (SSM) pada Jun ini dijangka memberi kesan kepada kira-kira 700 pekerjanya.</p> <p>Difahamkan kesemua pekerja anak syarikat milik penuh Toyo Tire Corporation (TTC) itu terdiri daripada warga tempatan. Bagaimanapun, pihak pengurusan akan membayar pampasan berdasarkan perjanjian bersama (CA) di samping memenuhi tanggungjawab di bawah undang-undang berkaitan.</p> <p>Difahamkan, Jabatan Sumber Manusia dan wakil pengurusan kilang juga sudah mengedarkan notis kepada pekerja kilang berkenaan semalam.</p>	https://www.thestar.com.my/tech/tech-news/2021/02/11/pr-laptop-stocks-run-out-in-most-stores

3.	<p>Berita Harian 18 Feb. 2021 (Essential)</p>	<p>Emas hilang daya tarikan, harga terus susut</p> <p>Emas menghampiri paras terendah dalam tempoh lebih dua bulan apabila peningkatan nilai dolar dan isyarat selanjutnya pemulihan ekonomi menjelaskan permintaan terhadap aset selamat itu.</p> <p>Harga logam berharga itu susut buat hari kelima pada Rabu, tempoh penurunan paling lama sejak Mac tahun lalu, apabila data menunjukkan jualan runcit Amerika Syarikat (AS) mencatatkan peningkatan tertinggi dalam tempoh tujuh bulan pada Januari.</p> <p>Emas, yang mencatatkan kenaikan tahunan tertingginya dalam sedekad tahun lalu, merosot lebih enam peratus setakat tahun ini di tengah-tengah keyakinan terhadap pertumbuhan, yang dicetuskan oleh jangkaan kemajuan vaksinasi dan lebih banyak bantuan ekonomi.</p>	<p>https://www.nst.com.my/business/2021/02/664992/petronas-sumitomo-jointly-market-supply-lng-malaysia-japan</p>
----	--	---	--

Penemuan penting & isu:

- Eksport bersih dijangka akan menjadi penyumbang utama kepada keseluruhan pertumbuhan Malaysia tahun ini dengan jangkaan sumbangan 1.7 mata peratusan kepada pertumbuhan di tengah-tengah prospek samar aktiviti ekonomi. Dengan kerajaan membenarkan lebih banyak industri beroperasi meskipun sekatan dan kawalan pergerakan, serta pemulihan berterusan dalam rakan dagang utama seperti China dan Singapura, eksport barang akan sekurang-kurangnya mencatatkan sedikit peningkatan pertumbuhan pada 2021.
- Penamatan operasi kilang pengeluaran tayar, Silverstone Malaysia Bhd (SSM) pada Jun ini dijangka memberi kesan kepada kira-kira 700

pekerjaanya. Difahamkan kesemua pekerja anak syarikat milik penuh Toyo Tire Corporation (TTC) itu terdiri daripada warga tempatan. Langkah itu diambil selepas mengambil kira persekitaran operasi, kedudukan kilang dalam strategi globalnya serta keupayaan pengeluaran.

3. Emas menghampiri paras terendah dalam tempoh lebih dua bulan apabila peningkatan nilai dolar dan isyarat selanjutnya pemulihan ekonomi menjaskan permintaan terhadap aset selamat itu. Emas, yang mencatatkan kenaikan tahunan tertingginya dalam sedekad tahun lalu, merosot lebih enam peratus setakat tahun ini di tengah-tengah keyakinan terhadap pertumbuhan, yang dicetuskan oleh jangkaan kemajuan vaksinasi dan lebih banyak bantuan ekonomi.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport Malaysia bagi bulan Disember 2020 bernilai RM95,741 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM10,996 juta berbanding bulan November 2020. Nilai ini juga merupakan nilai eksport tertinggi sepanjang tempoh tahun 2020 yang menyaksikan negara dilanda oleh penularan wabak Covid-19. Sektor utama yang menyumbang kepada peningkatan nilai eksport ini adalah sektor pembuatan iaitu sebanyak RM82,000 juta atau 85.6 peratus, sektor agrikultur (RM8,400 juta atau 8.8 peratus) dan sektor perlombongan (RM5,000 juta atau 5.2 peratus). Tiga rakan dagangan utama negara adalah negara China dengan nilai eksport sebanyak RM15,600 juta atau 19.7 peratus, negara Singapura (RM 13,800 juta atau 11.9 peratus) dan negara Amerika Syarikat (RM10,700 juta atau 9.6%). Laporan Tinjauan Ekonomi Malaysia 2021 mengunjurkan eksport dan import Malaysia akan lebih baik pada 2021 di mana eksport barang Malaysia dijangka meningkat 2.7 peratus kesan pemulihan perdagangan dan rantai penawaran global, manakala import dijangka naik 5.3 peratus disumbangkan oleh peningkatan semua kategori import. Walau bagaimanapun, jangkaan ini mungkin terkesan dengan penularan gelombang ketiga COVID-19 di negara ini serta pelaksanaan PKP 2.0.
2. Nilai eksport bagi getah asli bagi tempoh sehingga bulan Disember 2020 bernilai RM3,286 juta dan menunjukkan penurunan sebanyak RM487 juta atau 12.9 peratus. Volum eksport bagi getah asli bagi tempoh sehingga bulan Disember turut mencatatkan penurunan sebanyak 66 ribu atau 10.5 peratus dari 631 ribu tan metrik pada tahun 2019 ke 565 ribu tan metrik.
3. Nilai import emas, bukan bentuk wang bagi tempoh sehingga Disember 2020 bernilai RM10,250 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM240 juta atau 2.3 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Nilai import emas, bukan bentuk wang menjadi salah satu penyumbang kepada peningkatan nilai import bagi bulan Disember 2020.

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 16 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Prospek perniagaan sarung tangan kekal kukuh</p> <p>TOP GLOVE Corporation Bhd (Top Glove) yakin dengan prospek sarung tangan getah dan menjangkakan permintaannya kekal tinggi, meskipun ketika seluruh dunia melaksanakan program vaksinasi dan bakal melalui tempoh pasca COVID-19.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/02/786857/prospek-perniagaan-sarung-tangan-kekalkukuh
2.	Berita Harian 16 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	<p>MBits teroka perniagaan infrastruktur gentian optik luar bandar</p> <p>MBits Digital Sdn Bhd bersedia untuk meneroka perniagaan salinghubungan infrastruktur gentian optik bagi jalur lebar bermula suku ketiga tahun ini.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/02/786714/mbits-teroka-perniagaan-infrastruktur-gentian-optik-luar-bandar
3.	Berita Harian 17 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Kilang tayar Silverstone di Taiping ditutup Jun ini</p> <p>Toyo Tire Corporation akan menamatkan operasi pengeluaran tayar dari anak syarikat milik penuhnya Silverstone Malaysia Bhd (SSM) pada Jun 2021.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/02/786988/kilang-tayar-silverstone-di-taiping-ditutup-jun-ini
4.	Bernama 17 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Keuntungan bersih suku pertama KLK meningkat kepada RM357.41 Juta</p> <p>Kuala Lumpur Kepong Bhd (KLK) merekodkan keuntungan bersih tinggi sebanyak RM357.41 juta bagi suku pertama berakhir 31 Dis, 2020</p>	https://bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1932486

		daripada RM167.20 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas.	
5.	The Edge Markets 17 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	Mercedes-Benz Malaysia to expand local production of SUVs Mercedes Benz Malaysia Sdn Bhd (MBM) will expand local production of its sports utility vehicles (SUVs) which is among its fastest-growing segments.	https://www.theedgemarkets.com/article/mercedesbenz-malaysia-expand-local-production-suvs
6.	Berita Harian 18 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	FGV tingkat pengeluaran bahan tanaman pisang, buluh FGV Holdings Bhd (FGV) meningkatkan pengeluaran bahan tanaman pisang, buluh, kelapa dan padi untuk memenuhi permintaan domestik yang semakin meningkat bagi aktiviti pertanian tanaman.	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/02/787546/fgv-tingkat-pengeluaran-bahan-tanaman-pisang-buluh
7.	Berita Harian 18 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	Linde mulakan operasi kilang gas perindustrian di Muar Linde, syarikat gas perindustrian dan kejuruteraan global memulakan operasi kilangnya bernilai RM28 juta di Muar, Johor bagi membekalkan nitrogen bergas ketulenan tinggi ke pasaran.	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/02/787494/linde-mulakan-operasi-kilang-gas-perindustrian-di-muar
8.	Bernama 18 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	Proton lancar empat model edisi khas Proton Holdings Bhd (Proton) telah melancarkan empat model edisi khas (SE) iaitu Persona dan Exora Black Edition serta Iriz dan Saga R3	https://bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1932660

	Limited Edition, masing-masing berharga RM55,600, RM69,800, RM44,800 dan RM53,700.	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Pengarah Urusan pengeluar sarung tangan terbesar dunia (Top Glove) percaya bahawa permintaan sarung tangan getah kekal positif dan tidak akan kembali ke tahap sebelum COVID-19 berikutan peningkatan kesedaran yang tercetus akibat pandemik.
2. Syarikat Mbits akan mengambil bahagian dalam mendigitalkan Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak yang memerlukan platform digital seperti e-wallet, platform penyiaran digital, perhubungan, rangkaian mudah alih atau gentian optik.
3. Operasi pengeluaran tayar Silverstone di Kamunting, Taiping akan ditamatkan dan seterusnya SSM akan dibubarkan manakala pengeluaran produk jenama Silverstone tertentu sebelum ini yang dihasilkan di SSM akan dipindahkan ke Toyo Tire Malaysia Sdn Bhd (TTM) yang menghasilkan tayar jenama Toyo Tire.
4. Hasil syarikat KLK meningkat sebanyak 5.5 peratus kepada RM4.3 bilion berbanding rm4.07 bilion sebelumnya susulan harga minyak sawit mentah (MSM) dan isirung sawit yang bertambah baik dan sumbangan daripada operasi pemprosesan dan dagangan.
5. Mercedes-Benz Malaysia terus memperluas pengeluarannya dengan mempercayai potensi pertumbuhan pasaran di Malaysia.
6. Kemampuan FGV menawarkan pelbagai produk berkualiti tinggi melalui penyelidikan kultur tisu secara mendalam, infrastruktur penyelidikan & pembangunan (R&D) yang canggih, serta pengalaman lebih 50 tahun dalam penyelidikan klonal dapat ditunjukkan melalui peningkatan permintaan pelanggan dimana pengeluaran varieti klon pisang disasarkan sebanyak dua juta tahun ini, meningkat dua kali ganda daripada sejuta klon pisang tahun lalu yang dihasilkan untuk memenuhi peningkatan permintaan spesies berangan, cavendish dan tanduk.
7. Kilang Linde telah direka bentuk dan dibina terutamanya untuk menyokong permintaan yang semakin meningkat daripada STMicroelectronics iaitu pengilang semikonduktor global terkemuka, yang mempunyai kilang ujian dan pembungkusan di Muar.

8. Proton akan menawarkan harga istimewa di jalan raya (tanpa insurans) untuk model-model SE ini iaitu Persona (RM54,700), Exora (RM67,800), Saga (RM42,300) dan Iriz (RM52,000) berikutan pengecualian cukai jualan di bawah skim Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian mengambil maklum penutupan syarikat Silverstone Malaysia yang mengeluarkan jenama tayar Silverstone dan jenama ini akan dihasilkan oleh Toyo Tire.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama 17 Feb. 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Program Imunisasi Kebangsaan akan perkukuh sektor perniagaan dan pelaburan negara – MITI</p> <p>Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang dijadualkan bermula minggu depan akan dapat mengukuhkan keyakinan dalam sektor perniagaan dan pelaburan negara. Keyakinan program vaksinasi secara menyeluruh di peringkat kebangsaan itu akan memberi impak positif kepada operasi perniagaan komuniti dan industri di Malaysia. Program ini dijangka membantu mempercepatkan lagi pembukaan dan pemulihan aktiviti ekonomi secara menyeluruh. Program imunisasi ini akan dijalankan menerusi tiga fasa dengan fasa pertama bermula pada 26 Feb hingga April 2021; fasa kedua mulai April hingga Ogos 2021 manakala fasa ketiga dari Mei 2021 hingga Februari 2022.</p>	https://bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1932290

2.	<p>The Edge Markets 18 Feb. 2021 (Essential)</p>	<p>COVID-19: MASkargo steps up preparation to receive Pfizer-BioNTech vaccine</p> <p>MAB Kargo Sdn Bhd (MASkargo) is intensifying preparations at the Advanced Cargo Centre (ACC), KL International Airport (KLIA) to ensure the smooth and orderly handling of the Pfizer-BioNTech COVID-19 vaccine which is due to arrive in Malaysia on Sunday. MASkargo, which is tasked with coordinating the process of receiving the vaccine at KLIA, had conducted a series of training to ferry the vaccine at -70 degrees Celsius over the past five months to ensure the efficacy of the vaccine would not be affected. The first phase of the immunisation programme, which is until April, will involve the frontliners, followed by the second phase, which is from April to August, for the high-risk groups, namely senior citizens aged 60 years and above and the vulnerable group with morbidity problems as well as Persons with Disabilities.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/covid19-meskargo-steps-preparation-receive-pfizerbiotech-vaccine
3.	<p>The Malaysian Reserve 18 Feb. 2021 (Non-essential)</p>	<p>Private colleges see international enrolment drop by half</p> <p>Malaysian universities are allowed to enrol foreign students effective Jan 1, 2021, except those from the UK, but slow visa approvals and student worries over COVID-19 have put a brake on a valuable revenue source for hard hit private colleges. The National Association of Private Educational Institutions reported that international students already accepted for enrolment</p>	https://themalaysianreserve.com/2021/02/18/private-colleges-see-international-enrolment-drop-by-half/

	<p>have problems getting visas approved by Immigration Department of Malaysia which the bottleneck for approval seems to be at Immigration even after students have been accepted for studies by Education Malaysia Global Services. Private higher learning institutions could see such enrolment down by between 500 and 1,000 new students. Private universities are looking at a 50% reduction in international students this year and even the intake for local students is uncertain whether can match the previous year's numbers. A private university may see a drop in international students' headcount by 25% this year.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Akhbar 1: Program imunisasi COVID-19 yang akan dimulakan pada 26 Februari hingga April 2021 melalui fasa pertama akan memberi impak positif kepada operasi perniagaan komuniti dan industri di Malaysia. Program ini dijangka membantu mempercepatkan lagi pembukaan dan pemulihan aktiviti ekonomi secara menyeluruh. Ini akan dapat mengukuhkan keyakinan dalam sektor perniagaan dan pelaburan negara.
2. Akhbar 2: MAB Kargo Sdn Bhd (MASkargo) sedang membuat persiapan di Advanced Cargo Centre (ACC), KL International Airport (KLIA) untuk memastikan kelancaran pengendalian dan pengurusan penerimaan vaksin Pfizer-BioNTech COVID-19 yang akan sampai di Malaysia pada Ahad (21 Februari 2021) ini. MASkargo, yang ditugaskan untuk mengkoordinasikan proses penerimaan vaksin di KLIA, telah melakukan serangkaian latihan untuk mengangkut vaksin pada suhu -70 darjah Celsius untuk memastikan keberkesanan vaksin tersebut tidak akan terjejas.
3. Akhbar 3: Kolej swasta menyaksikan pendaftaran pelajar antarabangsa menurun 50% dari kebiasaan pada tahun ini. Universiti di Malaysia telah dibenarkan mendaftarkan pelajar asing berkuatkuasa 1 Januari 2021, kecuali dari UK, tetapi kelulusan visa yang perlahan dan kebimbangan pelajar terhadap COVID-19 telah mengakibatkan penurunan jumlah pendaftaran. Universiti swasta mungkin menyaksikan penurunan jumlah pelajar antarabangsa sebanyak 25% tahun ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Akhbar 1: Permulaan program imunisasi COVID-19 pada akhir bulan Februari dijangka akan mengukuhkan keyakinan dalam sektor perniagaan dan pelaburan negara. Justeru, ini akan memberi impak positif kepada penyusunan statistik Imbangan Pembayaran secara keseluruhannya. Pada tahun 2020, Akaun semasa Malaysia mencatatkan lebih RM62.1 bilion, manakala Akaun Kewangan mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM79.1 bilion.
2. Akhbar 2: Aktiviti MASKargo dalam pengendalian pengangkutan dan pengurusan penerimaan vaksin Pfizer-BioNTech COVID-19 yang akan sampai di Malaysia pada Ahad ini akan memberi kesan kepada penyusunan statistik Akaun Perkhidmatan terutamanya bagi komponen Pengangkutan. Pada tahun 2020, eksport komponen Pengangkutan mencatatkan RM13.4 bilion manakala import pula ialah RM41.0 bilion.
3. Akhbar 3: Penurunan pendaftaran pelajar antarabangsa di kolej dan universiti swasta Malaysia akan memberi kesan kepada penyusunan statistik Akaun Perkhidmatan terutamanya bagi komponen Perjalanan. Pada tahun 2020, eksport komponen ini telah mencatatkan RM12.5 bilion manakala import pula ialah RM20.3 bilion.

F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama 16 Feb. 2021 (Essential)	<p>Maybank IB naikkan saranan kepada positif bagi sektor perbankan</p> <p>Maybank Investment Bank (Maybank IB) menaikkan saranan kepada ‘positif’ daripada ‘neutral’ bagi sektor perbankan Malaysia, didorong prospek pemulihan ekonomi tahun ini dan unjuran lebih baik terhadap bank-bank.</p> <p>Dijangkakan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada 5.1 peratus tahun ini.</p>	https://bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1931864

2.	Bernama 16 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Langkah vaksinasi Malaysia dijangka tingkatkan sentimen, pulihkan aktiviti pengguna – HSBC</p> <p>Pertumbuhan ekonomi dijangka terus merosot lagi dalam suku pertama 2021 akibat pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 2.0) yang boleh merisikokan unjuran KDNK 2021 kerajaan pada jajaran 6.5-7.5 peratus.</p> <p>Permulaan program vaksinasi negara pada akhir bulan ini dijangka dapat membantu meningkatkan sentimen apabila aktiviti pengguna Malaysia diunjur pulih semula pada separuh kedua 2021.</p>	https://bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1932082
3.	Bernama 17 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Jualan kenderaan susut 0.76 peratus pada Januari 2021</p> <p>Jualan kenderaan di Malaysia menyusut sebanyak 0.76 peratus kepada 32,829 unit pada Januari tahun ini berbanding 42,942 unit bagi tempoh yang sama pada tahun lepas, kata Persatuan Automotif Malaysia (MAA).</p> <p>Jualan kenderaan penumpang jatuh kepada 28,872 unit pada Januari 2021 daripada 39,410 pada tempoh yang sama tahun lepas. Manakala jualan kenderaan perdagangan meningkat kepada 3,957 unit pada bulan tersebut berbanding 3,532 unit sebelumnya.</p> <p>Pengeluaran kenderaan penumpang susut kepada</p>	https://bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1932385

		36,186 unit pada Januari 2021 berbanding 42,527 pada Januari 2020, manakala pengeluaran kenderaan perdagangan meningkat kepada 3,480 unit berbanding 2,889 unit sebelumnya	
4.	Bernama 18 Feb. 2021 (Essential)	<p>Perbankan, O&G, sektor penerbangan raih manfaat daripada program imunisasi - Ahli Ekonomi</p> <p>Sektor perbankan, minyak dan gas (O&G) serta sektor penerbangan di Bursa Malaysia dijangka memperoleh manfaat daripada sudut pandangan pelabur susulan daripada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (NIP) yang dilancarkan oleh kerjaan semalam.</p> <p>Pelaksanaan program imunisasi itu akan mengembalikan semula keyakinan perniagaan di Malaysia dan seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi dengan lebih banyak kelonggaran sekatan perjalanan dijangka akan berlaku.</p>	https://bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1932564
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Maybank Investment Bank (Maybank IB) menaikkan saranan kepada ‘positif’ daripada ‘neutral’ bagi sektor perbankan Malaysia, didorong prospek pemulihan ekonomi tahun ini. Maybank IB menjangkakan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia berkembang sebanyak 5.1% pada tahun 2021. 2. Pertumbuhan ekonomi Negara dijangka terus merosot bagi suku pertama 2021 ekoran pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 2.0). Sepanjang tahun 2020, KDNK menyusut -5.6 peratus. Sementara itu, permulaan program vaksinasi negara bermula 26 Februari 2021 dijangka 			

dapat membantu meningkatkan sentimen apabila aktiviti pengguna Malaysia diunjur pulih semula pada separuh kedua 2021.

3. Jualan kenderaan penumpang jatuh kepada 28,872 unit pada Januari 2021 daripada 39,410 pada tempoh yang sama tahun lepas. Manakala jualan kenderaan perdagangan meningkat kepada 3,957 unit pada bulan tersebut berbanding 3,532 unit sebelumnya. Jumlah jualan yang lebih rendah pada Januari 2021 disebabkan penurunan jumlah pelanggan ke bilik pameran susulan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan oleh Kerajaan.
4. Sektor perbankan, minyak dan gas (O&G) serta sektor penerbangan di Bursa Malaysia dijangka memperoleh manfaat daripada sudut pandangan pelabur susulan daripada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (NIP) yang dilancarkan oleh kerajaan pada 17 Februari 2021. Pelaksanaan program imunisasi itu akan mengembalikan semula keyakinan perniagaan di Malaysia dan seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi dengan lebih banyak kelonggaran sekatan perjalanan dijangka akan berlaku.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan jangkaan Maybank Investment Bank (Maybank IB) pertumbuhan ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.1 peratus pada tahun 2021. Sehubungan itu, ekonomi dijangka akan beransur-ansur pulih seterusnya meningkat keyakinan peniaga dan pengguna bagi merancakkan semula ekonomi domestik.
2. Pertumbuhan ekonomi Negara dijangka terus merosot susulan gelombang terbaharu jangkitan COVID-19 pada suku pertama 2021. Mobiliti pengguna yang terbatas serta operasi perniagaan yang terhad secara tidak langsung memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Negara. KDNK Negara pada tahun 2020 menyusut sebanyak 5.6 peratus dan merosot 3.4 peratus pada ST4 2020. Sementara itu, program vaksinasi Negara bermula 26 Februari 2021 dijangka dapat meningkatkan sentimen pengguna dan peniaga.
3. Pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (NIP) yang dilancarkan pada 17 Februari 2021 dijangka dapat mengembalikan semula pengembangan beberapa sektor terutamanya sektor perbankan, minyak dan gas (O&G) serta sektor penerbangan. Sektor pengangkutan udara dijangka dapat meningkatkan kapasiti penerbangannya, secara tidak langsung menyebabkan penggunaan bahan bakar yang lebih tinggi. Subsektor Pengangkutan dan Penyimpanan mencatatkan pertumbuhan KDNK -21.5 pada suku ke empat 2020 berbanding suku yang sama tahun sebelumnya.

G. Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama 15 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Tekanan dihadapi perkhidmatan pos kian meningkat susulan ledakan e-dagang</p> <p>Ledakan e-dagang menjadi satu khabar gembira buat pengguna di seluruh dunia, barang yang mereka inginkan dari benua Eropah contohnya, boleh tiba di hadapan pintu rumah tanpa mereka perlu berada di kedai fizikal. Krisis muncul apabila caj penghantaran murah tetapi tenaga kerja masih tidak mencukupi.</p>	https://bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1931638
Penemuan penting & isu:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Perkhidmatan penghantaran barang semakin meningkat disebabkan ledakan e-dagang. 			
Maklumbalas Bahagian:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Perkembangan e-dagang yang terkenal dikalangan pengguna terutamanya individu, boleh dijadikan sebagai input dalam penyediaan Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah. 			
H. Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro 17 Feb. 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Imigresen tahan 28 Pati sembunyi dalam treler</p> <p>Seramai 28 pendatang asing tanpa izin (Pati) ditahan pada Ops Serkap dijalankan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Sabah di sekatan jalan raya di Kilometer 38, Jalan Lahad Datu.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutahir/2021/02/675483/imigresen-tahan-28-pati-sembunyi-dalam-treler

2.	Harian Metro 17 Feb. 2021 (<i>Non-essential</i>)	Lelaki berusia 100 tahun korban terbaru Covid-19 Lelaki berusia 100 tahun mangsa terbaru yang terkorban akibat Covid-19 daripada 22 jumlah kematian dilaporkan hari ini.	https://www.hmetro.com.my/mutahir/2021/02/675491/lelaki-berusia-100-tahun-korban-terbaru-covid-19
3.	Harian Metro 18 Feb. 2021 (<i>Non-essential</i>)	Maxis perkenal penghala WiFi 6 Penyedia rangkaian telekomunikasi terkemuka, Maxis Berhad memperkenalkan penghala generasi baharu iaitu WiFi 6 sekali gus meningkatkan pengalaman jalur lebar fiber untuk pelanggan.	https://www.hmetro.com.my/itmetro/2021/02/675728/maxis-perkenal-penghala-wifi-6
4.	Berita Harian 18 Feb. 2021 (<i>Non-essential</i>)	Manfaat pakej pelan data internet Teknologi maklumat menghubungkan kita dengan cepat. Sekiranya capaian internet berfungsi dengan baik, kita dapat mengakses internet menggunakan aplikasi media sosial dengan mudah.	https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2021/02/787436/manfaat-pakej-pelan-data-internet
5.	Utusan Malaysia 18 Feb. 2021 (<i>Non-essential</i>)	45,000 penoreh getah terjejas pendapatan Lebih 45,000 penoreh getah di negeri ini terjejas pendapatan apabila hasil kutipan getah beku berkurangan antara 60 hingga 80 peratus akibat cuaca panas sejak awal Januari lalu.	https://www.utusan.com.my/berita/2021/02/45000-penoreh-getah-terjejas-pendapatan/
6.	Sinar Harian 18 Feb. 2021 (<i>Non-essential</i>)	Proses kelulusan i-Sinar dipermudahkan	https://www.sinarharian.com.my/article/124475/BERITA/Nasional/Proses-

	Kerajaan telah berbincang dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk mempermudahkan proses kelulusan pengeluaran i-Sinar.	<u>kelulusan-i-Sinar-diper mudahkan-Tengku-Zafrul</u>
--	---	---

Penemuan penting & isu:

1. Seramai 28 pendatang asing tanpa izin (Pati) ditahan pada Ops Serkap dijalankan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Sabah di sekitan jalan raya di Kilometer 38, Jalan Lahad Datu.
2. Lelaki berusia 100 tahun mangsa terbaharu yang terkorban akibat Covid-19 daripada 22 jumlah kematian dilaporkan hari ini. Pesakit ke 267,710 itu berasal dari Selangor meninggal dunia di Hospital Sungai Buloh. Lelaki terbabit juga mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi dan asma.
3. Menerusi penghala WiFi 6, pelanggan dapat menjangkakan kelajuan yang lebih pantas dan kesalinghubungan yang lebih baik dengan liputan isyarat yang luas. Ia juga akan meningkatkan pengalaman ketika aktiviti muat turun, muat naik dengan kapasiti fail besar, penstriman filem dan permainan resolusi 4K.
4. Pengumuman Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memperuntukkan RM24 juta bagi Bantuan Pelan Data kepada 320,396 pelajar daripada kategori B40. Ia untuk memastikan mereka mendapat persekitaran pembelajaran kondusif dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian susulan pandemik COVID-19.
5. Harga getah beku dijangka lebih meningkat pada musim kemarau berikutnya jumlah pengeluaran berkurangan pada musim kemarau ini. Pada masa ini dianggarkan antara RM2.80 hingga RM3 sekilogram.
6. Proses kelulusan pengeluaran i-Sinar akan diutamakan kepada mereka yang telah memohon atau permohonan sedang diproses. Masa juga diperlukan untuk membekukan transaksi buat sementara waktu bagi membolehkan sistem KWSP untuk mengkreditkan dividen bagi tahun 2020 ke dalam akaun ahli selepas pengumuman dividen pada hujung Februari ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. PATI merupakan isu dalam proses pengiraan anggaran bagi penduduk.

2. Kematian disebabkan COVID-19 akan dimuatkan dalam Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian, Malaysia, 2021 dan Perangkaan Suku Tahun Pertama 2021.
3. Penggunaan internet merupakan salah satu soalan yang terdapat dalam soal selidik benci.
4. Pendapatan merupakan salah satu soalan yang terdapat dalam soal selidik benci.
5. Corak perbelanjaan Penduduk akan berubah ekoran kolonggaran syarat i-Sinar.

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro 17 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	<p>DidikTV penyelesaian isu gajet, liputan internet</p> <p>Rata-rata ibu bapa dan murid menyambut baik pelaksanaan Didik TV Kementerian Pendidikan malah, menyifatkan ianya adalah inisiatif yang membantu memudahkan sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).</p> <p>Kewujudan Didik TV dapat menyelesaikan isu gajet dan liputan rangkaian internet yang dihadapi ketika pelaksanaan PdPR, memandangkan kebanyakan keluarga mempunyai kemudahan televisyen.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/675381/didik-tv-penyelesaian-isu-gajet-liputan-internet
Penemuan penting & isu:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kewujudan Didik TV dapat membantu menyelesaikan isu gajet dan liputan rangkaian internet yang dihadapi ketika pelaksanaan PdPR, memandangkan kebanyakan keluarga mempunyai siaran televisyen. 			
Maklumbalas Bahagian:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kewujudan DidikTV dapat menyelesaikan isu gajet dan liputan rangkaian internet yang dihadapi ketika pelaksanaan PdPR, memandangkan kebanyakan keluarga 			

<p>mempunyai kemudahan siaran televisyen. Berdasarkan penerbitan MyLocal Stats 2019, peratusan isi rumah memiliki televisyen di Malaysia adalah sebanyak 97.7 peratus.</p> <p>2. Siaran yang akan ditayang dalam DidikTV juga memberi banyak manfaat kepada pelajar di mana intipati program adalah termasuk latihan, rujukan dan soalan-soalan yang terkandung dalam kertas peperiksaan. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan pelajar sekolah rendah kerajaan dan sekolah menengah kerajaan pada 2019 adalah seramai 2,729,491 orang dan 2,035,698 orang.</p>			
J. Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama 17 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	FAMA bantu jual nanas Moris Johor RM1 sebiji Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) membantu menjual buah nanas jenis Moris dari Johor dengan harga serendah RM1 sebiji bagi mengatasi masalah lambakan buah-buahan itu di pasaran.	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=1932288
2.	Bernama 17 Feb. 2021 <i>(Essential)</i>	Kurangkan impak COVID-19, komuniti nelayan ternak ketam nipah Sektor pelancongan di pulau bebas cukai ini yang terkesan akibat pandemik COVID-19 turut memberi kesan kepada komuniti nelayan di Kubang Badak, kira-kira 30 kilometer dari Bandar Kuah. Tidak mahu terlalu 'bersedih' dengan keadaan tersebut, mereka segera menceburi bidang penternakan ketam nipah sebagai satu lagi cabang pendapatan buat Koperasi Nelayan Sungai Kubang Badak Langkawi Berhad.	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=1932228

Penemuan penting & isu:

1. Penjualan nanas dengan harga rendah adalah antara langkah yang diambil FAMA Melaka dan Johor untuk membantu pekebun-pekebun yang terjejas mendapat pulangan setimpal. Sebanyak 6,000 biji nanas jenis Moris telah terjual dalam masa dua jam pada Program Promosi Nanas Moris Johor yang diadakan di Pasar Tani di Jalan Rim. Selain itu, bagi mengatasi isu lambakan nanas tersebut, FAMA juga telah mengadakan pengaturan pasaran dengan pemborong buah-buahan tempatan, usahawan Industri Kecil Sederhana dan Industri Asas Tani bagi penyediaan kuih raya serta biskut raya.
2. Projek ternakan ketam nipah telah bermula sejak Mac tahun lalu, apabila sebuah kolam dibina di sebidang tanah seluas 0.2 hektar milik seorang anggota Koperasi Nelayan Sungai Kubang Badak. Ketam nipah mengambil masa 90 hari sebelum sesuai untuk dijual dengan setiap seekor ketam nipah boleh mencecah berat lebih 500 gram seterusnya dijual pada harga RM40 hingga RM70 sekilogram mengikut saiz. Sejak beroperasi hampir setahun yang lalu, penuaian hasil ketam nipah telah dibuat sebanyak tiga kali dengan nilai jualan dianggarkan kira-kira RM8,000.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kesan PKP 2.0 telah mengakibatkan lambakan nanas Moris sehingga ditawarkan pada harga yang amat rendah. Berdasarkan Penerbitan Indikator Pertanian Terpilih 2020 (tempoh Januari-Jun) harga nanas di peringkat ladang adalah RM1.50 manakala runcit RM3.30. Dijangkakan PKP 2.0 akan memberi kesan kepada harga jualan ladang dan runcit pada buah nanas bagi Januari - Jun 2021.
2. Aktiviti nelayan yang telah beralih kepada penternakan ketam nipah akan meningkatkan pengeluaran ketam di negara ini. Berdasarkan penerbitan SUA 2015-2019, jumlah pengeluaran ketam pada tahun 2019 merekodkan sebanyak 15,226.8 tan metrik. Kadar Sara Diri (SSR) ketam adalah 93.9 peratus manakala Penggunaan Per Kapita (PCC) adalah 0.4 kilogram/ tahun.